

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 DECEMBER 2016

# Klip video Anwar kutuk Dr. M tersebar

UM-10/12/2016

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 DIS.

**K**LIP video berhubung kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu sesi ceramah yang menggambarkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai 'pencuri harta negara' tersebar di laman sosial.

Video berdurasi lebih seminit itu juga menunjukkan Anwar memberi sebab mengapa Dr. Mahathir memecatnya dan tidak mahu beliau menjadi Perdana Menteri pada masa itu.

"Antara orang yang paling takut saya menjadi Perdana Menteri adalah Dr. Mahathir. *You* tahu apa pasal dia takut? Sebab harta sudah banyak, harta anak-anaknya berpuluh-puluh bilion.

"Tengok kontrak Petronas, Kencana Petroleum, Mokhzani Mahathir. Semua dia angkut, tiada Melayu, Cina, Dayak atau



Antara orang yang paling takut saya menjadi Perdana Menteri adalah Dr. Mahathir. *You* tahu apa pasal dia takut? Sebab harta sudah banyak, harta anak-anaknya berpuluh-puluh bilion.

ANWAR IBRAHIM



bangsa lain pandai berniaga? Semua anak dia punya," katanya.

Dalam video itu, Anwar turut mempersoalkan keputusan Malaysia Airlines (MAS) semasa Dr. Mahathir menjadi Penasihat syarikat penerbangan tersebut.

"MAS hanya akan beli minyak daripada syarikat milik anak beliau iaitu Petron selama enam bulan.

"Bukan tu saja, Mahathir punya anak, Mirzan, beli bir punya syarikat, St. Miguel di Filipina dengan harga RM2.9 bilion secara tunai. Mana dapat duit? Menang loteri tiap harikah?

"Saya mahu tanya, negara ini bapak *you* punya atau rakyat punya? Kalau rakyat punya, hentikan benda mengarut ini sekarang," katanya.